

10 OCT 1996

Mahkamah-EIA

PEMAJU DIDENDA KERANA MULAKAN PROJEK TANPA KELULUSAN LAPORAN EIA

KUANTAN, 10 Okt (Bernama) -- Sebuah syarikat pemaju didenda RM3,500 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini setelah mengaku bersalah memulakan projek pembinaan kompleks peranginan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA).

Hakim Ahmad Nasfy Yassin menjatuhkan hukuman itu setelah Tadmansori Hotel Resort Sdn Bhd yang berpejabat di Kuala Lumpur melalui pegawainya Mohd Sarji Omar mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu.

Pada 5 Sept 1995, di Lot H.S. (M) 310, Mukim Tioman, Rompin pemaju itu didapati telah memulakan projek pembinaan kompleks peranginan yang mengandungi 80 bilik di kawasan pantai dalam kawasan taman laut tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan laporan EIA daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Pertuduhan dibuat di bawah Seksyen 34 (A) Akta Kualiti Alam Sekeliling (pindaan) 1985 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 34 (A) (8) akta itu. Hukuman maksimum di bawah seksyen itu ialah denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Menurut fakta kes, dua orang Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang, Kamaruddin Ismail dan Mohd Suhaimi Abdullah mendapati syarikat pemaju itu telah melaksanakan projek ketika mereka datang membuat pemeriksaan di kawasan itu.

Mahathir Abdullah, peguam mewakili pemaju, meminta mahkamah mengenakan hukuman yang ringan kerana pemaju itu telah mengaku bersalah.

Katanya, pemaju meneruskan projek itu walaupun tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan laporan EIA untuk mengelakkan musim monsun tetapi segala kerja itu kini dihentikan sehingga mendapat kelulusan laporan EIA.

Katanya, laporan EIA itu yang membabitkan kos kira-kira RM50,000 dalam menyediakannya akan siap hujung bulan ini.

Pegawai Pendakwa, Afandi Abdul Manap pula meminta hukuman sewajarnya dikenakan kerana pemaju telah melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling dan masih gagal menyediakan laporan EIA.

Beliau turut menunjukkan kepada mahkamah beberapa keping gambar pembinaan kompleks peranginan itu yang diambil oleh pegawai JAS Pahang.

Mohd Sarji mengakui bahawa gambar itu ialah gambar kompleks peranginan berkenaan.

-- BERNAMA.

AZ AHH